**SOALAN PRAKTIS BESTARI**
**PROJEK JAWAB UNTUK JAYA (JUJ) 2019**

# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 3756/2

**PRINSIP PERAKAUNAN**
**Kertas 2 / Set 1**

**2 1/2 jam** **Dua jam tiga puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian:* ***Bahagian A*** *dan* ***Bahagian B.***
2. *Jawab* ***tiga*** *soalan daripada* ***Bahagian A*** *dan* ***dua*** *soalan di* ***Bahagian B.***
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di atas kertas jawapan yang disediakan . Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat kemas dan dihantar pada akhir peperiksaan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

YAYASAN PAHANG

[Kertas Soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak]

**BAHAGIAN A**
[60 markah]
Jawab *semua* soalan

1 (a) Namakan buku catatan pertama yang sesuai bagi setiap urus niaga berikut.

i. Membeli setem secara tunai RM10.
ii. Diskaun diberi kepada pelanggan sebanyak RM125 telah dibatalkan.

(b) Dokumen berikut diperoleh daripada Kedai Alat Tulis Mesra.

MEMO **KEDAI ALAT TULIS MESRA**
3300, Jalan Dahlia 1
Temerloh, Pahang
Peringatan; Tarikh 22 Mac 2019

Mengambil dua rim kertas A4 berkos RM10.00 setiap satu untuk kegunaan perniagaan

Najlaa
Pengurus

Berdasarkan dokumen di atas, rekodkan ke buku catatan pertama yang sesuai.

(c) Pada 1 Januari 2019, Kelab Badminton Temerloh ditubuhkan dengan ahli berdaftar seramai 150 orang. Yuran ahli sebanyak RM50 dikutip daripada ahli setiap bulan. Pada 30 Jun 2019, terdapat 5 orang ahli masih belum membayar yuran bulan Jun manakala 12 orang ahli telah membayar yuran bulan Julai 2019. Hitungkan jumlah yuran yang telah dikutip daripada ahli sehingga 30 Jun 2019.

(d) Senaraikan dua ciri perniagaan di bawah.

(e) Kos-kos berikut ditanggung oleh Zaiti Industries dalam proses mengeluarkan sabun.

| | RM |
|---|---|
| Belanja langsung | 5 000 |
| Kos overhed | 120 000 |
| Kos buruh langsung | 45 000 |
| Kos bahan langsung | 88 000 |

Hitungkan kos prima

YAYASAN PAHANG

2. Maklumat berikut berkaitan dengan kegiatan Kelab Rekreasi Alumni Shah, Pekan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.

| Penerimaan | RM | Pembayaran | RM |
|---|---|---|---|
| Yuran | 75 750 | Belanja majlis keraian | 10 450 |
| Sewa almari berkunci | 3 400 | Jaring tenis | 6 400 |
| Jualan bola tenis terpakai | 2 820 | Belian bola tenis | 11 880 |
| Kutipan majlis keraian | 20 970 | Belanja am | 3 350 |
| | | Elaun kehormat | 1 100 |
| | | Upah pekerja | 24 680 |
| | | Insurans | 3 600 |

Pada 1 Januari 2018, kelab mempunyai baki-baki berikut:

| | RM |
|---|---|
| Rumah kelab dan gelanggang | 300 000 |
| Lengkapan | 48 000 |
| Yuran belum terima | 250 |
| Yuran belum terperoleh | 1 500 |
| Bank | 28 420 |

Pada 31 Disember 2018, bendahari kelab telah menyenaraikan maklumat berikut:

(i) Kelab mempunyai 3 000 orang ahli dan yuran tahunan ialah RM25. Semua yuran tahun lepas dan yuran tahun semasa telah berjaya dikutip.
(ii) Kos mencetak tiket untuk majlis keraian sebanyak RM2 750 masih belum dijelaskan.
(iii) Lengkapan disusutnilaikan 10% setahun atas baki awal.
(iv) Insurans prabayar RM900.
(v) Pendapatan dan perbelanjaan berkaitan bola tenis hendaklah dianggap sebagai hasil.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

a) Akaun Yuran ahli
b) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.
c) Penyata Dana Terkumpul Akhir

YAYASAN PAHANG

3. Ameera dan Najwa ialah pekongsi-pekongsi dalam Perniagaan Rawa Bersaudara. Ikatan perkongsian mereka telah menetapkan syarat-syarat berikut:

(i) Untung rugi dibahagi mengikut nisbah modal tetap.
(ii) Faedah 8% akan dibayar atas modal.
(iii) Pekongsi-pekongsi akan dibayar gaji sebanyak RM2 800 setahun.
(iv) Pinjaman daripada pekongsi dibayar faedah 8% setahun.
(v) Ambilan oleh pekongsi akan dikenakan faedah 10% setahun.

| | RM | |
|---|---|---|
| Modal 1 Julai 2018 | | |
| Ameera | 8 000 | |
| Najwa | 12 000 | |
| Akaun Semasa 1 Julai 2018 | | |
| Ameera | 370 | Kt |
| Najwa | 85 | Dt |
| Ambilan | | |
| Ameera | 1 950 | |
| Najwa | 850 | |
| Untung Kasar | 12 150 | |
| Tunai Runcit | 100 | |
| Baki di bank | 1 950 | |
| Akaun belum terima | 4 900 | |
| Akaun belum bayar | 3 760 | |
| Komisen diterima | 675 | |
| Gaji pekerja | 3 550 | |
| Gaji Ameera | 1 400 | |
| Gaji Najwa | 2 800 | |
| Kadar bayaran | 1 840 | |
| Deposit (telefon, eletrik dan air) | 150 | |
| Alatan kedai | 4 500 | |
| Kenderaan | 10 000 | |
| Sewa dibayar | 3 900 | |
| Peruntukan hutang ragu | 330 | |
| Pinjaman daripada Najwa (1 Julai 2018) | 6 000 | |
| Faedah atas pinjaman Najwa | 240 | |
| Belanja runcit | 380 | |
| Insurans | 185 | |
| Inventori pada 30 Jun 2019 | 4 455 | |
| Diskaun diberi | 230 | |
| Diskaun diterima | 180 | |

YAYASAN PAHANG

Maklumat tambahan:

(i) Sewa prabayar RM300.
(ii) Bil elektrik RM60 bagi bulan Jun 2019 masih belum dibayar.
(iii) Alatan kedai dan kenderaan hendaklah disusutnilaikan 10% setahun.
(iv) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 5% atas Akaun belum terima.
(v) Komisen sebanyak RM105 masih belum diterima.
(vi) Insurans prabayar RM30.

Anda dikehendaki menyediakan:

(a) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2019.
(b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2019.
(c) Akaun Semasa pekongsi.
(d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2019.

YAYASAN PAHANG

.

**BAHAGIAN B**
(40 markah)
*Jawab **DUA** soalan sahaja*

4. Pada 30 Mei 2018, Syarikat Pelanduk Berhad telah menerbitkan 500 000 unit Syer Keutamaan 9% pada harga RM2.00 sesyer dan 2 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer kepada orang awam.

Pada tarikh tutup permohonan iaitu 15 Jun 2018, kesemua Syer Keutamaan telah dilanggan dan dibayar penuh semasa permohonan manakala jumlah wang yang diterima untuk Syer Biasa berjumlah RM2 100 000.

Pemohonan yang tidak berjaya akan mendapat semula wangnya selepas 5 hari dari tarikh tutup permohonan.

Pada 31 Oktober 2018, syarikat telah menerbitkan 450 000 unit Syer Keutamaan 6% pada harga RM2.00 sesyer. Kesemua syer telah dilanggan dan dibayar penuh semasa permohonan pada 30 November 2018.

Anda dikehendaki:

a) Hitung terbitan syer pertama dan kedua.
b) Rekodkan terbitan syer ke dalam Jurnal Am.
c) Tunjukkan komponen ekuiti pemilik di dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018.

YAYASAN PAHANG

5. Cik Qistina pemilik Qist & Beauty Cosmetic bercadang memohon pinjaman daripada Agro Bank. Berikut merupakan baki aset perniagaan dan anggaran penerimaan serta pembayaran bagi suku tahun berakhir 31 Julai 2019.

(i) Baki aset pada 30 April 2019 adalah seperti berikut;

| | **RM** |
|---|---:|
| Tunai runcit | 101 |
| Tunai di tangan | 330 |
| Tunai di bank | 23 600 |
| Akaun belum terima | 20 000 |
| Inventori | 24 400 |
| Lengkapan | 32 000 |

(ii) Belian pada bulan Mei ialah RM40 000 dan dijangka meningkat 5% setiap bulan berbanding bulan sebelumnya. Semua belian dibayar dengan cek pada bulan yang sama.

(iii) Jualan pada bulan April ialah RM50 000 dan dijangka meningkat 10% setiap bulan berbanding bulan sebelumnya. 40% daripada jumlah jualan setiap bulan merupakan jualan kredit di mana tempoh kredit selama 30 hari diberikan kepada pelanggan.

(iv) Komisen diterima sebanyak 2% diperolehi daripada jumlah jualan setiap bulan. Bayaran komisen dikredit terus ke akaun bank pada pertengahan bulan berikutnya.

(v) Insurans sebanyak RM3 000 setahun dibayar setiap awal suku tahun bermula Februari 2019.

(vi) Sewa premis RM1 500 sebulan dibayar pada awal setiap bulan.

(vii) Kadar bayaran bulan April berjumlah RM400, malar pada bulan Mei dan dijangka meningkat 5% pada bulan berikutnya. Bayaran akan dijelaskan dengan tunai pada awal bulan berikutnya.

(viii) Perniagaan mempunyai dua orang pekerja am dan seorang penyelia. Setiap pekerja am dibayar gaji RM1 150 sebulan manakala gaji penyelia RM1 550 sebulan. Gaji akan dijelaskan pada setiap hari pertama bulan berikutnya.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Julai 2019.

YAYASAN PAHANG

6. (a) Jaya Gading Enterprise merupakan sebuah perniagaan menjual alat tulis di Maran, Pahang. Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan pada 30 April 2019.

| | RM |
|---|---|
| Van serahan | 60 000 |
| Lengkapan | 29 500 |
| Inventori | 18 800 |
| Akaun Belum Terima | 2 030 |
| Overdraf Bank | 270 |
| Elektrik belum bayar | 440 |
| Untung bersih | 22 020 |
| Modal | ? |

Urus niaga di bawah berlaku sepanjang bulan Mei 2019:

(i) Menerima cek RM1 929 daripada pelanggan kerana menjelaskan hutang. Diskaun diberi RM101.

(ii) Beli barang niaga RM4 200. Kemudahan kredit 30 hari diberikan oleh pembekal.

(iii) Hutang lapuk terpulih RM333.

(iv) Membayar elektrik dengan cek bernilai RM800.

(v) Ambil barang niaga untuk:

| | RM |
|---|---|
| Peribadi | 160 |
| Perniagaan | 300 |

(vi) Pemilik membawa masuk tunai RM4 000 sebagai modal tambahan dan dibankkan.

Anda dikehendaki menyediakan:

(i) Menghitung modal pada 1 Mei 2019.

(ii) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2019.

6 (b) Berikut merupakan petikan Imbangan Duga Perniagaan Aqli.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2019 (petikan)

| | RM | RM |
|---|---|---|
| Mesin | 45 000 | |
| Susut nilai terkumpul mesin | | 4 500 |

Pada 30 Jun 2019, perniagaan menjual mesin berkos RM15 000 pada harga RM8 000 secara tunai. Mesin tersebut telah dibeli pada 1 Julai 2017. Semua mesin disusut nilai 10% setahun atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan:

(i) Akaun Susut Nilai Terkumpul Mesin

(ii) Akaun Pelupusan Mesin

**KERTAS SOALAN TAMAT**